

**KENYATAAN AKHBAR
PRESIDEN
DATIN PH WONG
PERSATUAN PENGASUH BERDAFTAR MALAYSIA**



SEMPENA SAMBUTAN HARI TASKA PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

8 OGOS 2015

WISMA WANITA, KOTA KINABALU, SABAH

Kenyataan Akhbar ini adalah untuk memaklumkan mengenai sambutan HARI TASKA PERINGKAT KEBANGSAAN 2015 yang akan diadakan pada 8hb Ogos 2015 di Kota Kinabalu, Sabah yang dianjurkan dengan kerjasama antara **PERSATUAN PENGASUH BERDAFTAR MALAYSIA, PERSATUAN PERKHIDMATAN TASKA SABAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL dan HAL EHWAL PENGGUNA SABAH dan JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALASYIA.**

Majlis sambutan HARI TASKA 2015 ini akan dirasmikan oleh YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat di bawah naungan YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwai Pengguna, Sabah.

Tema HARI TASKA 2015 adalah PERSEKITARAN (ENVIRONMENT) dengan pelancaran Kempen TASKAs GO GREEN". Matlamat utama sambutan HARI TASKA pada tahun ini adalah untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengusaha, pengasuh, ibu bapa dan kanak-kanak di TASKA tentang penting memelihara alam

sekitar. Kempen ini akan dilancarkan sempena HARI TASKA dengan pihak penganjur mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang berkait rapat dengan tema yang dipilih. Selain daripada sambutan di peringkat kebangsaan Hari TASKA juga diraikan di peringkat negeri di bawah anjuran Persatuan TASKA Negeri dan daerah. Pelbagai pertandingan yang berkaitan dengan kempen “GO Green” akan diadakan. Antaranya:

1. Pertandingan “Kebun Herba” (Edible Garden) dan Baja Kompos di TASKA-TASKA
2. Pertandingan reka cipta barang permainan dan alat bantu mengajar dari bahan terbuang dan kitar semula
3. Pertandingan pakaian dari bahan terbuang dan kitar semula
4. Pertandingan penjimatan penggunaan air, letrik, dan lampin pakai buang
5. Pertandingan Kolaj dari bahan terbuang dan kitar semula.
6. Pertandingan mencipta lagu TASKA Go Green
7. Pertandingan Banner “GO Green”

Selain kerjasama dengan semua TASKA di seluruh negara, pihak penganjur juga telah mendapat sokongan daripada pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dengan Kempen Go Green. Adalah menajdi harapan pihak kami semoga kempen ini akan mendapat sokongan dari semua pihak dan yang paling penting adalah mendidik anak-anak seawal usia tentang pentingnya kesedaran untuk memelihara alam sekitar supaya mereka akan hidupa dalam suasana yang selamat dan selesa.

DATIN PH WONG

PRESIDEN PPBM

6.8.2015